



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERLUASAN SISTEM E-KEHAKIMAN DI MAHKAMAH-MAHKAMAH
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Badan Kehakiman Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memperkasakan akses kepada keadilan bagi segenap lapisan masyarakat dan sekaligus menyokong transformasi pendigitalan di Mahkamah. Terbaharu, Badan Kehakiman Malaysia telah memperluaskan sistem e-Kehakiman ke Mahkamah-Mahkamah seluruh Semenanjung Malaysia.

Sistem e-Kehakiman ini merupakan platform asas yang merangkumi pelbagai modul seperti e-Review, e-Filing, e-Lelong dan sebagainya. Dengan pelaksanaan dan perluasan sistem ini secara keseluruhannya, sejumlah 98 lokasi Mahkamah di Semenanjung Malaysia sedang menggunakan sistem tersebut. Lanjutan daripada perluasan sistem ini, proses kerja di Mahkamah dapat ditransformasi daripada cara manual kepada digital bagi kes sivil dan jenayah di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi serta semua jenis rayuan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Badan Kehakiman Malaysia percaya perluasan sistem e-Kehakiman ke seluruh Mahkamah-Mahkamah di Semenanjung Malaysia ini akan dapat memudahkan urusan

orang awam dan semua pemegang taruh serta memudahkan perjalanan sesuatu kes di Mahkamah bermula dari pemfailan kes sehinggalah kes selesai. Badan Kehakiman Malaysia juga berharap inisiatif ini akan dapat memperkasakan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan meluaskan akses kepada keadilan kepada semua pihak dengan lebih baik dan efisien.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 17 Mac 2021